


3 diumumkan pemenang Maxis IoT Challenge 2020

Kuala Lumpur: Maxis meneruskan usaha memupuk inovasi perniagaan Internet Benda (IoT) dan teknologi generasi kelima (5G) menerusi *Maxis IoT Challenge 2020* yang menyaksikan tiga pemaju sektor itu diumumkan sebagai pemenang cabaran itu.

Pemenang itu yang terdiri daripada Seamless, LinkUp Smart Solutions dan ITXOTIC masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM15,000, RM10,000 dan RM5,000.

Ketua Pegawai Perniagaan Perusahaannya, Paul McManus berkata, edisi kedua pertandingan itu adalah sebahagian kerjasama berte-rusan Maxis dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) serta rakan kolaborasi industri untuk mempromosikan pembangunan ekosistem IoT dan penyelesaian 5G untuk terus memacu ekonomi digital



MCMANUS (atas, kiri) bersama pemenang.

negara.

Menurutnya, cabaran itu disifatkan sebagai kaedah terbaik untuk memberikan insentif kepada industri dan membuka peluang kepada perusahaan dalam mereka bentuk model perniagaan baharu dengan lebih nilai buat pelanggan mereka.

“Selama beberapa minggu selepas dilancarkan pada 4 September lalu kita melihat bakat yang cukup inovatif bekerja keras sebelum

membentangkan prototaip penyelesaian mereka kepada panel hakim.

“Kami gembira melihat inovasi yang dicipta oleh semua peserta dalam cabaran ini dan berharap ia bukan saja membuka peluang kepada mereka untuk menjadi antara pemaju pertama mencuba dan mengkomersialkan penyelesaian 5G malah secara tidak langsung mencetuskan perubahan positif buat negara,” katanya

pada sesi pengumuman pemenang yang diadakan secara maya, semalam.

Katanya, teknologi IoT mempunyai potensi yang besar dan Maxis komited untuk membentuk dan memacu penggunaannya demi manfaat perniagaan di seluruh negara.

“*Maxis IoT Challenge* mewakili tujuan kami yang lebih luas untuk membawa teknologi terbaik dalam membolehkan rakyat, perniagaan dan negara terus menerajui dalam persekitaran dunia yang kian berubah,” katanya.

Sementara itu, pemenang tempat pertama iaitu Seamless berjaya menambat hati juri menerusi penyelesaian pemantauan aset runcit automatik yang dikuasakan oleh 5G, IoT dan Kecerdasan Buatan (AI) dibawah kategori *Immersive Retail Experiences* (Pengalaman Runcit Yang Mendalam).